

Kupang Smartline

Kupang *Smartline* ialah teknologi yang digunakan dalam penternakan kupang. Teknologi ini banyak kelebihannya. Antaranya, kupang dapat membesar secara semula jadi. Selain itu, kupang tidak mudah gugur kerana binaan tempat pembiakan kupang lebih kukuh. Hal ini disebabkan oleh penggunaan paip yang kukuh. Di samping itu, tali pemungutnya menggunakan tali pukot bermata besar. Pelampung pula akan diikat pada tali pemungut untuk mengawalinya daripada dipukul ombak.

Penggunaan teknologi ini telah meningkatkan pendapatan penternak kupang. Untuk sekali tuaian, mereka memperoleh 20 tan kupang berbanding dengan 5 tan sekali tuaian dengan cara lama.

(Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia)

1. Risalah ini ialah tentang _____.
2. Kupang Smartline ialah teknologi _____.
3. Kelebihan Kupang Smartline ialah _____
dan _____.
4. Binaan tempat pembiakan kupang lebih kukuh kerana _____,
_____ dan _____.
5. Perbezaan hasil menggunakan Kupang Smartline berbanding dengan cara lama ialah _____.